



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN PERTAHANAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**JURUTERA (B.2 EB.3 / B.2)
JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



JURUTERA

JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA

KEMENTERIAN PERTAHANAN

B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN) /

B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)

KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Civil Engineering* / Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Bangunan / Kejuruteraan Elektrik (*Electrical Engineering*) / Kejuruteraan Struktur / *Mechanical Engineering* / *Structural Engineering* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2**

i) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang *Civil Engineering* / Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Bangunan / Kejuruteraan Elektrik (*Electrical Engineering*) / Kejuruteraan Struktur / *Mechanical Engineering* / *Structural Engineering* atau bidang bersesuaian **DAN** telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

ii) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.



2. Menjadi ahli badan profesional yang diiktiraf seperti *Institution of Civil Engineers (ICE)*, *Institution of Electrical Engineers (IEE)*, *Institution of Mechanical Engineers (IMECHE)* atau yang setaraf dengannya adalah kelebihan.
3. Berpengalaman dan berkemahiran dalam melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan, pengurusan, projek dan kontrak dokumen adalah kelebihan.
4. Berkemahiran dalam komunikasi dan perundangan adalah kelebihan.
5. Berkemahiran dalam pengurusan kewangan dan prosedur kontrak adalah kelebihan.
6. Berkeupayaan untuk memimpin dan mengurus kakitangan.
7. Mempunyai Lesen Memandu Kelas Tiga (03) yang sah (tidak mansuh).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melaksanakan kerja-kerja reka bentuk, pengawasan, pengurusan dan penyelarasan projek-projek Jabatan;
2. Membuat penyelarasan ke atas projek yang dikendalikan oleh konsultan;
3. Memberikan khidmat nasihat terhadap perkara yang berhubung kait dengan kejuruteraan;
4. Membantu dan menunjuk ajar pegawai teknik tempatan serta mentadbir dan mengurus pegawai dan kakitangan di bawah jagaannya; dan
5. Melaksanakan kerja-kerja seperti yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.